Di Malaysia, pokok keluarga *Aquilaria* merupakan tumbuhan yang tidak asing bagi penduduk tempatan. Ia juga dikenali sebagai sebagai pokok karas telah terkenal sejak dari dahulu kerana ia berupaya menghasilkan gaharu. Manakala gaharu pula lazimnya digunakan untuk pembuatan minyak pati. Gaharu juga mempunyai nama panggilan lain oleh penduduk tempatan dengan menggunakan nama “depu” dan “engkaras”. Disebabkan itu, pemahaman istilah yang berkaitan bidang kajian adalah penting. Pokok karas merujuk kepada pokok yang terdiri daripada genus *Aquilaria* yang terdiri daripada pelbagai spesies. Manakala gaharu pula merujuk kepada teras kayu yang mengandungi resin berwarna perang atau gelap yang terdapat di dalam bahagian batang, dahan atau akar pokok karas tersebut. Istilah resin pula merujuk kepada sebatian kimia beraroma yang terkandung di dalam gaharu (Muhammad Ismail & Mohd Zin Jusoh, 2011; MTIB, 2016).

Manakala istilah inokulan yang digunakan di dalam kajian ini merujuk kepada cecair yang dimasukkan ke dalam batang dan dahan pokok karas. Ia dimasukkan menerusi menggunakan peralatan spesifik setelah penggerudian lubang pada bahagian





batang atau dahan telah dilakukan. Inokulan yang terdapat di dalam industri gaharu pula dikelaskan kepada kategori organik dan bukan organik. Inokulan organik disediakan dengan menggunakan spesies kulat tertentu dan patogen seperti bakteria. Manakala inokulan bukan organik disediakan daripada bahan kimia spesifik (Mohamed et al., 2012; Xie et al., 2013; Azren et al., 2019).

Gaharu merupakan kayu teras yang terdapat pada batang, dahan dan akar pada pokok karas yang mengandungi resin beraroma wangi. Ianya boleh terhasil secara semula jadi atau diaruh secara buatan. Teras gaharu tersebut tidak akan terbentuk pada pokok yang sihat (Jamaluddin Mohd Daud, Hassan, Hashim, & Taher, 2011). Hanya pokok yang sakit dan bermasalah sahaja yang akan menghasilkan resin berharga tersebut (Zhang et al., 2014). Resin di dalam gaharu adalah terhasil daripada tindak balas pokok karas melawan jangkitan kulat, jangkitan mikroorganisma, dipanah petir, kebakaran dan serangan serangga (Chen et al., 2011). Sterusnya, bagi pokok karas yang sihat, ia lazimnya mempunyai struktur kayu lembut dan berwarna cerah. Apabila pokok tersebut terdedah kepada jangkitan patogen atau parasit ianya akan mengeluarkan resin atau damar yang menyebabkan tisu berkayu kawasan berkaitan bertukar warna daripada cerah kepada perang atau kehitaman (Chua, 2008).

Gaharu merupakan sumber hutan dikategorikan sebagai hasil bukan kayu yang sangat bernilai terutamanya di pasaran Asia Barat dan Asia Tengah (Zhang et al., 2010). Aktiviti perdagangan melibatkan gaharu telah direkodkan hampir 2000 tahun (Lim dan Noraini, 2010). Pokok karas merupakan tumbuhan berasal daripada keluarga Thymelaeaceae dan memiliki taburan semula jadi yang meluas di seluruh





Semenanjung Malaysia. Ianya boleh membesar setinggi 15 meter hingga 30 meter dan mempunyai diameter antara 0.5 meter sehingga 1 meter serta mengeluarkan bunga berwarna putih (Chakrabarty et al., 1994).

Pokok karas tumbuh liar di hutan secara semula jadi mengambil masa yang lama untuk menghasilkan gaharu berkualiti iaitu antara 40 tahun hingga 50 tahun dan 10 tahun sehingga 20 tahun sekiranya ditanam secara ladang (Muhammad Ismail & Mohd Zin Jusoh, 2011). Namun begitu, tidak semua spesies *Aquilaria* berupaya menghasilkan gaharu (Chakrabarty et al., 1994). Daripada 25 spesies *Aquilaria*, hanya 13 spesies yang dilaporkan berkeupayaan untuk menghasilkan gaharu yang berbau wangi seperti *A. baillonii*, *A. beccariana*, *A. crassna*, *A. filarial*, *A. hirta*, *A. khasiana*, *A. malaccensis*, *A. microcarpa*, *A. rostrata*, *A. rugosa*, *A. sinensis*, *A. subintegra* dan *A. yunnanensis* (Hou, 1960; Ng et al., 1997; Compton & Zich 2002; Kiet et al., 2005; Yang et al., 2015). Manakala baki lapan lagi spesies masih memerlukan kajian mendalam pada masa akan datang untuk mengkaji keupayaan spesies tersebut di dalam penghasilan gaharu (Rashid & Zuhaidi, 2011; Akter, Islam, Zulkefeli, & Khan, 2013).

Menurut Lim dan Noraini (2010), terdapat 19 spesies tumbuhan asli di Malaysia yang berupaya menghasilkan gaharu iaitu 13 spesies di Semenanjung Malaysia, 11 spesies di Sabah dan 13 spesies di Sarawak. Angka tersebut termasuk pertindanan spesies yang sama bagi kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Spesies tersebut telah direkodkan berasal daripada lima genera iaitu *Aquilaria* tujuh spesies; *Gonystylus* enam spesies; *Wikstroemia* empat spesies; *Aetoxylon* satu spesies dan *Enkleia* satu spesies. Mereka juga menyatakan bahawa





spesies *Aquilaria* yang utama iaitu *A. malaccensis* merupakan pokok karas yang paling popular digunakan sebagai sumber gaharu.

Masa yang diambil untuk penghasilan gaharu yang sangat panjang telah mendorong kepada pelbagai penyelidikan dan usaha untuk mempercepatkan penghasilannya (Peng et al., 2015). Ini mendorong kepada pembangunan pelbagai teknik merangsang pengeluaran resin dan teknologi pengesanan gaharu terbentuk (Tan, Isa, Ismail, & Zainal, 2019). Antara teknik tradisonal yang lazimnya digunakan ialah seperti menggunakan paku besi pada batang, menetak, mengorek batang, membakar, mematahkan dahan serta memotong dan mengeluarkan kulit (Mohamed, Jong, & Kamziah, 2012; Azren et al., 2019). Selain daripada teknik kecederaan mekanikal tersebut terdapat pelbagai teknik induksi lain yang telah digunakan oleh pengusaha gaharu. Contohnya ialah penggunaan serangga, penggunaan patogen yang menyerang tisu pokok dan penggunaan bahan kimia (Mohamed et al., 2012; Azren et al., 2019).

Justeru itu, berdasarkan pelbagai dapatan dan maklumat yang diperolehi maka kajian ini memberikan tumpuan kepada pemformulasian dan penghasilan inokulan berasaskan bahan kimia sahaja. Seterusnya perbandingan prestasi inokulan dilakukan berdasarkan faktor pembentukan resin seperti panjang translokasi terhasil, kemenjadian gaharu pada batang pokok, berat resin terhasil dan bilangan sebatian utama yang terkandung di dalam resin. Ini melibatkan proses penebangan dan pemerhatian keadaan kayu dan warna tisu kayu yang terlibat. Ia juga melibatkan proses pengekstrakan resin yang menggunakan pelarut organik yang kepolarannya





berbeza. Kajian juga turut mengkaji faktor persekitaran dan parameter pertumbuhan pokok dan hubungannya terhadap pembentukan resin pada pokok karas terlibat.

1.3 Penyataan Masalah

Dewasa ini, kajian berkaitan penghasilan gaharu telah giat dijalankan oleh pelbagai pihak seperti penyelidik daripada universiti terkemuka di dalam atau pun di luar negara seperti Indonesia, Thailand, Vietnam, China, India dan lain-lain lagi (Lim, Mamat, & Chang, 2007; Putri, Karlinasari, Turjaman, Wahyudi, & Nandika, 2017). Penyelidikan di dalam industri gaharu dan produk berkaitannya di Malaysia juga telah dijalankan oleh pihak swasta serentak dengan pembukaan ladang-ladang gaharu milik mereka (MTIB, 2011). Mereka giat menjalankan kajian untuk menghasilkan inokulan yang terbaik dan paling efektif untuk mengaruhi penghasilan gaharu (Jong, Tsan, & Mohamed, 2014; MTIB, 2016).

Lazimnya formulasi di dalam penghasilan sesuatu inokulan adalah rahsia dan ia akan dipatenkan untuk tujuan komersil. Ini selaras sebagaimana yang dinyatakan oleh Turjaman, Hidayat, & Santoso (2016) bahawa terdapat banyak penyelidikan yang telah dijalankan terhadap gaharu yang melibatkan pelbagai penyelidik daripada Asia, Eropah dan Amerika Syarikat, namun begitu dapatan penyelidikan tidak semuanya dikongsi secara umum. Manakala perkongsian hanya melibatkan kelompok tertentu yang berkepentingan (Turjaman et al., 2016). Begitu juga dengan perlaksanaan bengkel dan seminar yang di adakan pada peringkat antarabangsa dan kebangsaan hanya sedikit dapatan atau penemuan yang dikongsikan oleh mereka. Hal





ini disebabkan oleh faktor nilai komersil terhadap gaharu dan produk yang terhasil daripadanya yang boleh menjana keuntungan besar. Namun begitu kaedah cuba jaya yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu tidak dapat menentukan inokulan terbaik di dalam penghasilan resin (Faizal et al., 2016).

Di samping itu juga adalah sukar untuk memastikan sesuatu inokulan yang telah dihasilkan oleh penyelidik lalu adalah kualiti terbaik. Ini kerana terdapat pelbagai pemboleh ubah lain yang tidak boleh dikawal yang turut mempengaruhi kadar penghasilan gaharu (Muhammad Ismail & Mohd Zin Jusoh, 2011). Antaranya ialah seperti aras air bawah tanah, kadar jatuhnya hujan, kadar jatuhnya cahaya matahari, formasi dahan dan daun pokok, serangan ulat daun/ulat juta, serangan berulung bakteria negatif dan serangan berulung fungus negatif (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2012; Seminar Gaharu Kebangsaan, 2014). Ini termasuk faktor usia pokok, perbezaan individu pokok disebabkan variasi musim dan cuaca persekitaran di kawasan tertentu serta variasi genetik spesies *Aquilaria* turut memainkan peranan di dalam penghasilan gaharu (Ng, 1997). Sementara itu, La Frankie (1994) juga telah mencadangkan bahawa hanya satu persepuluh pokok karas liar yang matang menghasilkan gaharu. Dalam ertikata lain, penghasilan gaharu dan gred kualitinya tidak boleh dijangka sama sekali walaupun menggunakan inokulan yang dikatakan paling efektif dan terbaik. Malah menurut Liu et al (2013) turut melaporkan bahawa sehingga kini tiada satu pun teknik inokulasi atau bahan inokulan yang dikatakan benar-benar berkesan untuk menghasilkan gaharu di ladang secara meluas, pelbagai tempat dan masa penghasilan yang pendek serta penghasilan gaharu yang paling berkualiti yang dapat memenuhi standard kualiti di China (Chinese





Pharmacopoeia Standard). Manakala Okudera & Ito (2009) juga menyatakan harga inokulan di pasaran kebiasaannya adalah mahal namun tidak terjamin keberkesannya.

Antara lain ialah gaharu yang diperolehi daripada pokok karas liar semula jadi atau secara tanaman ladang mempunyai nilai yang tinggi dipasaran (Fatmawati, Saiful Nizam, Joharizal, & Mashitah, 2014). Walaupun harganya boleh berubah tetapi ianya adalah stabil kerana faktor gred dan kualiti gaharu menjadi faktor utama di dalam urusan niaga (Rashid & Zuhaidi, 2011). Tambahan pula permintaan yang berterusan saban tahun di peringkat antarabangsa untuk pelbagai kegunaan termasuk terkini kajian untuk merawat pelbagai penyakit kanser di Eropah telah menyebabkan bidang ini mempunyai tarikan tersendiri untuk diterokai (Ge et al., 2018). Menurut Yahya (2011), berdasarkan permit eksport *CITES* pada tahun 2009 produk gaharu bagi



Semenanjung Malaysia adalah bernilai RM56.43 juta. Manakala Jayachandran et al (2014) pula melaporkan gred paling tinggi gaharu adalah sangat mahal dan pernah direkodkan pernah mencecah harga sehingga USD30 000 / RM126 000 per kg bergantung kepada permintaan dan negara pengguna. Siti Salwana Hashim (2016) pula melaporkan kebiasaannya harga gaharu gred terbaik adalah setinggi RM25 000 per kg. Manakala Abdin (2014) melaporkan harga global gaharu boleh mencecah RM40 000 per kg. Selain itu, Radhuan Hussain (2014) juga melaporkan berlaku kenaikan harga gaharu gred A yang mencecah RM130 000 sekilogram berbanding sekitar RM20 000 hingga RM25 000 sekilogram pada tahun semasa. Saiz pasaran dunia berkaitan gaharu pula adalah dianggarkan di antara RM24 billion hingga RM32 billion setahun dan dijangkakan lebih besar lagi kerana ada aktiviti perdagangan yang tidak direkodkan (Akter, Islam, Zulkefeli, & Khan, 2013). Berdasarkan nilai harga pasaran yang tinggi tersebut telah memberi rangsangan baru kepada penyelidikan





saintifik dan perkembangan perladangan pokok karas. Justeru itu, kajian berkaitan penghasilan gaharu terbukti mempunyai nilai ekonomi yang tinggi.

Selain itu, aspek berkaitan dengan penyelidikan berkaitan gaharu boleh dikatakan masih terdapat ruang persoalan yang masih belum di kaji sepenuhnya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Zhang et al (2014) bahawa halangan utama di dalam industri penghasilan gaharu ialah disebabkan oleh pengetahuan para penyelidik yang terhad di dalam memahami mekanisme penghasilan gaharu itu sendiri. Secara mudahnya kefahaman dan pengetahuan yang mendalam adalah sangat penting untuk mengaitkan hubungan antara respon stres pokok karas dan pengeluaran bahan metabolik sekundernya. Ini juga disokong oleh Ye et al (2018) yang menyatakan sangat sedikit diketahui sebenarnya maklumat dan pemahaman yang jelas berkaitan pembentukan gaharu walaupun pelbagai usaha telah dilakukan setakat ini. Begitu juga telah banyak idea yang diketengahkan untuk menerangkan bagaimanakah gaharu terbentuk tetapi ianya masih tidak jelas (Okudera & Ito, 2009).

Aspek penting yang diberi tumpuan di dalam kajian ini ialah berkaitan penyelidikan yang melibatkan penghasilan inokulan kimia. Ini kerana ianya masih kurang jika dibandingkan dengan inokulan biologi sejak inokulasi pertama menggunakan kulat direkodkan pada tahun 1929 (Naef, 2011). Namun begitu, terdapat beberapa contoh bahan kimia yang penyelidik terdahulu telah gunakan. Contohnya ialah seperti metil jamonat, gula, asid asetik dan asid salisilik (Tamuli, Boruah, & Samanta, 2004; Feifei et al., 2019) Ini termasuk juga penggunaan asid formik, sodium klorida, hidrogen peroksida dan ferum klorida yang bertujuan untuk merangsang pengeluaran resin gaharu dengan cepat dan banyak (Okudera & Ito,





2009; Zhang et al., 2014). Penggunaan asid formik oleh Ye et al (2016) terhadap *A.sinensis* menunjukkan penghasilan sebatian kumpulan terpena yang lebih tinggi berbanding kaedah menggunakan kulat dan kecederaan mekanikal. Begitu juga dengan kajian Van Thanh dan Van Do (2015) yang telah menggunakan campuran asid sulfurik dan sodium metil bisulfit untuk penghasilan sebatian sesquiterpena. Selain itu Zhang et al (2012) juga telah melaporkan di dalam kajiannya penggunaan inokulan kimia yang dinamakan *Agar-wit* adalah terbaik untuk merangsang penghasilan resin di dalam masa singkat dan kualiti setanding dengan gaharu liar gred tinggi. Penggunaan bahan kimia boleh mempercepatkan penghasilan resin di dalam gaharu dalam masa lebih singkat berbanding penggunaan kulat yang memakan masa lebih panjang (Xu et al., 2016). Kelebihan penggunaan inokulan berasaskan bahan kimia disebabkan ianya boleh diangkut dan disebarkan ke seluruh bahagian tumbuhan



menerusi proses transpirasi yang mengakibatkan pembentukan gaharu pada kebanyakan bahagian (Liu et al., 2013). Manakala penggunaan kulat mengambil masa yang lebih lama untuk kerja penyediaan dan pengeraman berbanding penghasilan inokulan kimia yang lebih pantas dan penghasilan boleh dibuat pada skala besar (Tan et al., 2019). Ini kerana kebanyakan bahan kimia yang digunakan merupakan bahan yang dijangka berupaya terus memulakan laluan biosintesis penghasilan gaharu (Liu et al., 2013; Feifei et al., 2019). Inokulan kimia kebiasaannya mengandungi bahan-bahan utama seperti fitohormon, garam natrium klorida, mineral tertentu dan sebatian terbitan biologikal seperti ekstrak yis (Zhang et al., 2010; Liu et al., 2013; Van Thanh & Van Do, 2015). Contoh sebatian fitohormon yang telah digunakan oleh pengusaha gaharu ialah ethephon, metil jasmonat, asid salisilik, asid absisik, etilena dan kitosan serta enzim tertentu seperti lipogenase dan polifenol oksidase (gaharujinkou.com). Di samping itu, penggunaan inokulan kimia adalah lebih mudah untuk melakukan





kawalan kualiti berbanding penggunaan inokulan agen biologi yang terdedah kepada kontaminasi organisma lain (Liu et al., 2013; Cui, Guo, Fu, Xiao, & Wang, 2013). Ketidaktentuan keberhasilan gaharu dan kualiti yang rendah serta kerosakan pokok boleh terjadi akibat penggunaan kulat (Chen et al., 2018). Namun begitu, kesemua teknik berkaitan atau bahan yang digunakan adalah bertujuan untuk meniru / mimik proses aruhan semula jadi untuk pokok karas menghasilkan gaharu (Tan et al., 2019).

Secara semulajadi pembentukan gaharu mengambil masa yang lebih panjang dan memakan masa berpuluh tahun (Chakrabarty et al., 1994). Disebabkan masa pembentukan gaharu yang terlalu lama sedangkan permintaan semakin bertambah menyebabkan pelbagai usaha boleh dilakukan untuk memendekkan tempoh masa tersebut. Kebolehan sesuatu inokulan yang berjaya untuk merangsang pokok karas menghasilkan resin di dalam masa yang singkat mempunyai potensi besar untuk dikomersilkan. Disebabkan itu, tempoh masa kajian dijalankan terhad selama 12 bulan sahaja. Kajian ini juga telah melakukan inokulasi terhadap pokok karas muda sekitar usia tujuh tahun. Ini disebabkan ianya masih belum dikaji sepenuhnya kerana kebanyakan proses inokulasi telah dilakukan terhadap pokok karas dewasa berusia belasan tahun oleh kebanyakan pemain utama industri ini untuk memaksimumkan penghasilan gaharu (MTIB, 2016).

Justeru itu, penyelidikan yang bakal dijalankan ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang semakin komprehensif teknik inokulasi terhadap pokok karas. Di samping itu, kajian ini juga merupakan inovasi untuk penghasilan inokulan kimia dengan kombinasi beberapa formulasi yang berbeza. Seterusnya dilakukan penentuan dan perbandingan sejauh mana prestasinya di dalam merangsang pokok karas





menghasilkan resin. Berat resin yang diekstrak menjadi salah satu kriteria untuk penentuan formulasi yang manakah adalah terbaik. Penghasilan formulasi inokulan ini seterusnya diharapkan ianya mempunyai potensi yang besar untuk dikomersilkan. Selain itu pilihan kajian terhadap pokok karas dari spesies *Aquilaria malaccensis* juga diharapkan akan dapat memberikan suatu data baru atau nilai tambah data saintifik sedia ada kepada penyediaan formulasi inokulan dan kesannya terhadap pembentukan resin gaharu.

1.4 Objektif kajian

Objektif utama kajian yang akan dijalankan ialah seperti berikut:



- i. Menghasilkan empat inokulan kimia dan membandingkan prestasi inokulan berdasarkan faktor pembentukan resin seperti panjang translokasi dan pembentukan resin pada tisu kayu.
- ii. Mengkaji faktor masa terhadap berat resin dan kandungan sebatian kimia setiap inokulan di dalam resin.
- iii. Mengkaji hubungan faktor persekitaran dengan pertumbuhan pokok karas di kawasan kajian mengikut jenis inokulan.
- iv. Mengenal pasti hubungan antara diameter pokok pada paras dada (*dbh*), diameter kanopi, tinggi pokok, tinggi bawah dahan pertama dan panjang translokasi inokulasi dengan berat resin terhasil.





1.5 Persoalan Kajian

Daripada pemerhatian yang telah dilakukan, industri penghasilan gaharu ini telah giat dijalankan oleh banyak pihak kerana jangkaan pulangan yang tinggi. Ini disebabkan wujudnya permintaan yang berterusan saban tahun. Minyak pati yang diperolehi daripada gaharu telah banyak digunakan untuk pembuatan minyak wangi, perubatan, tujuan keagamaan, produk kesihatan dan sebagainya.

Persoalan yang boleh dibuat ialah seperti berikut:

- i. Bagaimanakah penghasilan inokulan kimia dihasilkan?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara inokulan yang telah dihasilkan berdasarkan faktor panjang translokasi dan pembentukan resin pada tisu kayu?
- iii. Adakah berat resin yang terhasil dan sebatian kimia organik yang terbentuk di dalam resin mempunyai perbezaan yang signifikan mengikut sela masa tertentu?
- iv. Adakah terdapat hubungan di antara faktor persekitaran dengan faktor pertumbuhan pokok di kawasan kajian mengikut jenis inokulan?
- v. Adakah terdapat hubungan antara *dbh*, diameter kanopi, tinggi pokok, tinggi pokok bawah dahan pertama dan ukuran translokasi inokulasi dengan berat resin?






1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian yang telah dinyatakan, hipotesis nul untuk diuji di dalam kajian ini seperti berikut:

- a) Tidak terdapat hubungan signifikan di antara faktor persekitaran dengan faktor pertumbuhan pokok di kawasan kajian mengikut jenis inokulan.
- b) Tidak terdapat hubungan signifikan di antara *dbh*, diameter kanopi, tinggi pokok, tinggi bawah dahan pertama dan ukuran panjang translokasi inokulasi dengan berat resin



Seterusnya Rajah 1.0 berikut memaparkan carta alir ringkasan pemboleh ubah yang dikaji serta perkaitan di antaranya. Kajian ini melibatkan pemboleh ubah tidak bersandar yang melibatkan faktor persekitaran, pertumbuhan pokok karas dan jenis inokulan. Manakala pemboleh ubah yang dimalarkan ialah seperti spesies pokok karas dan usia pokok yang sama. Bagi pemboleh ubah bersandar yang terlibat pula terdiri daripada penghasilan resin gaharu dan panjang translokasi inokulasi yang terhasil.



Rajah 1.0 Perkaitan Pemboleh ubah Kajian



1.7 Kepentingan kajian

Kepentingan kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu penghasilan formulasi baru, implikasi kepada pengusaha gaharu dan masyarakat sekeliling, universiti dan negara. Hasil kajian yang telah dijalankan telah berjaya menghasilkan formulasi baru dan cecair inokulan baru iaitu inokulan yang dilabelkan sebagai A, B, C dan D yang diharapkan dapat merangsang pokok karas menghasilkan resin dan pembentukan gaharu di dalam tempoh masa kurang daripada 12 bulan. Formulasi yang telah dihasilkan terbukti dapat merangsang pokok karas spesies *A. malaccensis* seawal empat bulan dan maksima pada anggaran bulan kelapan hingga bulan ke-10 selepas inokulasi dilakukan. Ini sangat bermanfaat kepada pengusaha gaharu yang berkecimpung di dalam kegiatan penghasilan minyak gaharu secara skala besar.

Mereka boleh menggunakan inokulan kajian dengan kos yang paling rendah berbanding inokulan komersil yang ada dipasaran. Antara lain ialah ianya dapat memendekkan tempoh masa penghasilan resin dan diharapkan pengusaha terlibat mendapat pulangan yang lebih baik kerana tempoh masa penghasilan resin telah menjadi singkat.

Selain mempunyai kos penghasilan rendah ianya juga menunjukkan prestasi yang baik di dalam merangsang *A. malaccensis* menghasilkan resin. Justeru itu disebabkan peratus kejayaan yang tinggi, kos inokulasi yang rendah dan jangkaan harga jualan komersil yang berpatutan diharap dapat menarik minat lebih ramai lagi penanam gaharu baru dan boleh menambah pendapatan kepada masyarakat luar bandar untuk turut serta melibatkan diri di dalam penanaman pokok karas. Pihak UPSI juga boleh mengambil kesempatan ini dengan menggiatkan lagi penanaman





pokok karas di kawasan sekitar kampus yang mana tanahnya masih lagi kosong dan tidak diusahakan. Sekiranya pihak universiti sendiri menghasilkan inokulan dan menyuntik sendiri inokulan kepada pokok karas adalah dijangkakan ianya akan mendapat pulangan yang besar selepas enam hingga tujuh tahun dari mula penanaman anak benih. Begitu juga jika mengadakan kolaborasi bersama syarikat luar yang berminat untuk bekerjasama mengkomersilkan inokulan ini bagi pasaran luar negara, ia adalah sangat sesuai dan boleh menjana pendapatan tambahan. Selain itu bagi pihak universiti dan dunia akademik pula, dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penambahan data sedia ada terhadap kajian saintifik pokok karas dan penghasilan resinnya. Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat mendorong kepada perlanjutan kajian-kajian lain pada masa depan.



berpotensi menambah pendapatan negara menerusi sektor percukaian hasil daripada kutipan industri gaharu kerana peningkatan hasil gaharu. Jumlah yang ditetapkan oleh kerajaan ialah 10% untuk hasil gaharu (MTIB, 2016). Ia juga dapat merancakkan lagi industri berkaitan gaharu dan merangsang kepada persaingan sihat dengan memperkenalkan inokulan baharu yang murah pada harga berpatutan dibawah harga pasaran sedia ada. Keberkesanan inokulan tersebut adalah suatu tarikan yang tersendiri. Inokulan ini juga adalah istimewa kerana ia tidak mengganggu pertumbuhan pokok, tidak mendatangkan kematian pokok serta selamat dikendalikan oleh manusia.





1.8 Batasan kajian

Kajian ini terhad kepada hanya satu spesies *Aquilaria* iaitu *Aquilaria malaccensis* dan tidak melibatkan mana-mana spesies karas yang lain. Usia pokok yang digunakan pula adalah pada usia enam tahun dan ke atas tetapi tidak melebihi tujuh tahun. Pokok karas tersebut telah diperolehi hanya daripada ladang gaharu yang terdapat di Kampung Tambak, Slim River, Malaysia. Kajian yang dijalankan hanya melibatkan fokus pada bahagian tisu batang pokok sahaja tanpa melibatkan bahagian pokok yang lain seperti akar, dahan dan daun. Manakala tiga pelarut yang telah dipilih untuk tujuan pengekstrakan sampel ialah seperti heksana, DCM dan metanol. Selain itu, faktor persekitaran seperti cuaca, jumlah penerimaan cahaya matahari, suhu udara, jumlah curahan hujan, pH tanah, komposisi tanah dan kelembapan tanah adalah berbeza di antara tempat kajian dan kawasan lain. Manakala penggunaan alat dan mesin untuk analisis GC-MS adalah berbeza di antara kajian ini dan yang digunakan oleh penyelidik lain. Ini termasuk penetapan parameter oven juga berbeza antara satu sama lain. Begitu juga penggunaan kolum kromatografi yang berbeza jenama dan jenis akan menghasilkan keputusan yang tidak sama.

1.9 Rumusan

Secara keseluruhannya bab ini telah menerangkan tentang pendahuluan kajian dan penyebab kepada tujuan kajian ini dijalankan. Di dalam pernyataan masalah, dapat dirumuskan bahawa terdapat pelbagai penyebab kepada pembentukan gaharu. Oleh itu, kajian ini dicadangkan untuk menghasilkan suatu kajian eksperimental kesan





penggunaan bahan kimia sebagai bahan inokulan untuk menghasilkan respon pokok karas bagi penghasilan resin gaharu. Ini termasuk mengkaji faktor-faktor lain dijangka mempengaruhi penghasilan resin seperti faktor pokok dan faktor persekitaran. Bab seterusnya akan membincangkan mengenai spesies pokok karas, taburan dan kepentingannya di dalam kehidupan manusia. Kupasan berkaitan mekanisme pembentukan gaharu dan penghasilan resin juga diberi tumpuan. Penelitian dan bacaan daripada dapatan-dapatan kajian lepas dilakukan agar dapat membantu penyelidik dalam menjalankan kajian ini.

